

Mahathir harap pertemuan UMNO dengan Pas berjaya

25 JAN 2004

LANGKAWI 24
Jan. — Bekas
Presiden UM-
NO, Tun Dr.
Mahathir Mo-
hamad berha-
rap pertemuan
antara UMNO
dan Pas yang
hendak diada-
kan dalam usa-
ha mencapai
perpaduan di
kalangan umat
Islam di negara
ini akan berjaya.

"Saya harap
ia (pertemuan
UMNO dan
Pas) berjaya,"
katanya ring-
kas kepada
pemberita, keti-
ka ditemui di
Taman Burung
Langkawi, di si-
ni hari ini.

Pertemuan
antara UMNO
dan Pas untuk
perpaduan Melayu kini sedang
hangat diperkatakan semula se-
jak pertemuan yang pernah di-
adakan beberapa tahun lalu ti-
dak mencapai sebarang keputu-
san.

Presiden Pas, Datuk Seri Ab-
dul Hadi Awang semalam berka-
ta, Pas memberi jaminan parti
itu tidak akan mengenakan se-
barang syarat serta sanggup me-
ngetepikan kepentingan politik

bagi merealisasikan pertemuannya dengan UMNO.

Dr. Mahathir dan isteri Tun
Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali
menghabiskan masa kira-kira
sejam melawat taman burung
tersebut yang mempunyai kira-
kira 2,500 ekor burung daripada
150 spesies.

Beliau turut melawat Galeria
Perdana, Tanjung Rhu dan Tela-
ga Harbour Park di Pantai Kok.